



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS 2026 KEMBALI PERKASA BAKAT STI NEGARA MELALUI AI, PENDEDAHAN TEKNOLOGI DAN INDUSTRI MASA HADAPAN

PUTRAJAYA, 15 JULAI 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan video promosi Malaysia Techlympics 2026 (MT2026), inisiatif utama pembangunan bakat sains, teknologi dan inovasi yang telah dilaksanakan sejak tahun 2022. Memasuki edisi kelima, program ini dirancang untuk memupuk minat generasi muda berusia 6 hingga 30 tahun terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pertandingan berimpak tinggi, program jangkauan keterangkuman serta pelbagai aktiviti pendidikan dan latihan di luar bilik darjah di seluruh negara, selaras dengan aspirasi Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030.

Menurut Menteri MOSTI, YB Datuk Chang Lih Kang, pembaharuan utama yang diperkenalkan pada edisi kali ini ialah penggunaan AiRIMAU, platform pembelajaran pintar yang membolehkan peserta meneroka teknologi Agentic Artificial Intelligence (Agentic AI) melalui pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan praktikal. Pengenalan platform ini mencerminkan komitmen MOSTI untuk memastikan generasi muda Malaysia mendapat pendedahan awal kepada teknologi masa hadapan serta membina keupayaan mereka untuk memanfaatkan teknologi secara bertanggungjawab, kreatif dan beretika.

Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan, penganjuran MT2026 pada tahun ini juga digerakkan secara kolaboratif melalui kerjasama pelbagai kementerian dan jabatan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), selain agensi kerajaan, rakan industri serta Kerajaan Negeri melalui barisan EXCO yang berkaitan. **MOSTI menganggarkan penyertaan pelajar/ belia seramai 1.8 juta pada tahun 2026.**

Sebanyak 90 pertandingan ditawarkan merangkumi 182 modul STI pada tahun ini (2026) berbanding 93 modul STI pada tahun lepas (2025) termasuk Tenaga Baharu, Dron, Robotik,

Kejuruteraan, Forensik, Percetakan 3D, Kecerdasan Buatan (AI), Keselamatan Siber, Pengkomputeran Awan, Bioteknologi dan Teknologi Hijau.

Pelbagai program jangkauan keterangkuman telah dilaksanakan di beberapa sekolah-sekolah luar bandar terpilih bagi memperkukuh ekosistem pendidikan STEM di kawasan tersebut, sekali gus menyemarakkan minat pelajar dan belia terhadap pendidikan berasaskan STI. Program ini juga meneruskan komitmen terhadap keterangkuman dengan memberi penekanan kepada penyertaan pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Pertandingan saringan Malaysia Techlympics Peringkat Zon akan bermula di Zon Selatan yang berlangsung di Tunku Abdul Rahman *University of Management and Technology* (TAR UMT), Johor, sebelum diteruskan ke Zon Tengah (Universiti Sains Islam Malaysia – USIM), Zon Timur (Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah – UMPASA), Zon Timur 2 (Universiti Malaysia Kelantan – UMK), Zon Utara (*Kulim Hi-Tech Park*), Zon Sabah (Universiti Malaysia Sabah – UMS) dan berakhir di Zon Sarawak (Universiti Teknologi Sarawak – UTS). Siri pertandingan mengikut zon ini akan berlangsung dari Julai hingga September 2026.

Acara Peringkat Akhir Kebangsaan Malaysia Techlympics 2026 pula dijadualkan berlangsung pada November 2026 di Malaysia Agro Exhibition Park Serdang (MAEPS), Serdang. Melalui penganjuran Malaysia Techlympics 2026 ini, MOSTI terus komited untuk meningkatkan pembudayaan dan literasi STI serta memperluas akses masyarakat, khususnya di kawasan luar bandar, terhadap ilmu pengetahuan, teknologi dan inovasi. Usaha ini bertujuan melahirkan generasi yang berdaya saing, inovatif dan celik teknologi, sekali gus memperkukuh peranan STI sebagai pemacu kesejahteraan rakyat, kemakmuran negara dan pembangunan Malaysia MADANI.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut dan mendaftar di www.techlympics.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
15 JULAI 2026

